

43 kediaman dinaiki air

Penduduk rayu pihak berkaitan segera ambil tindakan

SHAH ALAM - Hampir 43 buah rumah setingkat di kawasan perumahan Taman Sri Indah, Jalan Kebun, Seksyen 30, di sini, dinaiki air selepas berlaku hujan lebat sejak petang Rabu.

Keadaan bertambah buruk apabila air tidak surut sepenuhnya dan naik semula selepas hujan lebat kira-kira jam 4 petang, kelmarin.

Penduduk, Nor Azmah Ibrahim, 34, berkata, kejadian banjir kilat seperti itu bukan pertama kali berlaku di kawasan tersebut.

Menurutnya, kejadian sama pernah berlaku pada awal tahun ini, disusuli pada 26 November lalu.

"Semalam (Rabu lepas) dan hari ni (kelmarin) banjir lagi, air masuk sampai ke bahagian dapur.

"Akak bimbang keadaan bertambah buruk jika berlaku hujan pada sebelah malam kerana air yang bertakung lambat surut," katanya kepada *Sinar Harian*, kelmarin.

Pekerja swasta itu berkata, rata-rata penghuni di situ terpaksa tidur dalam keadaan berjaga-jaga kerana bimbang



Kawasan perumahan Taman Sri Indah masih dipenuhi air yang naik selepas hujan lebat sejak jam 4 petang, kelmarin.

air naik mendadak.

"Kami nak mengeluarkan air pun tak boleh sebab di luar rumah pun penuh dengan air. Nak tak nak kena tunggu air surut dan kering, baru boleh bersihkan rumah.

"Selain perumahan di sini, rumah lot berdekatan turut dilanda banjir kilat dan dimasuki air," katanya memberitahu air masih belum surut sehingga jam 7.30 petang, kelmarin.

Menurutnya, dia percaya kejadian itu berlaku berpunca daripada sistem perparitan

yang terlalu kecil dan sempit.

Katanya, selain itu terdapat projek pembangunan rumah baru di belakang perumahan tersebut menyebabkan keadaan lebih teruk selepas hujan.

"Ini merisaukan saya serta penduduk di sini kerana banjir yang terlalu kerap, lebih-lebih lagi pada musim tengkujuh.

"Saya harap pihak berkaitan dapat mengambil tindakan segera supaya masalah ini dapat diatasi secepat mungkin. Bimbang banjir lebih besar dan teruk akan berlaku," katanya.